

**PANDUAN PENGGUNAAN LOGO RASMI SAMBUTAN JUBLI PERAK PEMERINTAHAN
DYMM TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, RAJA PERLIS**

1. Tujuan:

Panduan ini disediakan untuk memastikan penggunaan yang konsisten dan tepat bagi Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis, dalam semua medium dan acara rasmi.

2. Punca Kuasa:

*MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
BIL.1/2025*

Tarikh : 15 Mac 2025

*Mesyuarat meminta agar tatacara penggunaan Logo Sambutan Jubli Perak
hendaklah dipertetapkan dan dipastikan Warna Putih di tengah Logo.*

Makluman

3. Penggunaan dalam Dokumentasi Rasmi


- 3.1. Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak wajib digunakan dalam semua dokumentasi seperti buku, banner, backdrop, dan bunting bagi acara yang melibatkan Duli-Duli Tuanku.
- 3.2. Daripada tarikh Pemasyhuran Logo Rasmi Sambutan pada 21 Februari 2025 sehingga 16 April 2026, penggunaan Jata Negeri digantikan dengan Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan Baginda pada dokumentasi seperti di para 3.1

4. Spesifikasi Warna Logo Rasmi





- 4.1. Dalam semua keadaan, logo hendaklah menggunakan isi berwarna putih dengan outline putih.
- 4.2. Contoh penggunaan logo adalah seperti berikut:
 - a) Jika latar belakang putih

*Panduan Penggunaan Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan
DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis*

ORIGINAL LOGO



b) Jika latar belakang berwarna



- 4.3. Bagi cetakan hitam putih pada latar belakang hitam/gelap, logo hendaklah keseluruhannya berwarna putih manakala Bagi cetakan hitam putih atau tanpa warna, logo hendaklah digunakan dalam versi Black & White (B&W) seperti berikut:



5. Kedudukan Logo Sambutan

- 5.1. Logo hendaklah diletakkan pada posisi tengah dan sebelah atas, sama seperti penggunaan Jata Negeri.
- 5.2. Selain itu, semua amalan dan panduan penggunaan Potret Rasmi, atau apa-apa protokol reka seni yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah masih berkuat kuasa.



Daulat Tuanku

Nama Program
Disempurnakan oleh
Tarikh
Tempat
Logo - logo Kolaborasi

Panduan Penggunaan Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan
DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis



- 5.3. Namun begitu, dalam keadaan tertentu seperti pelaksanaan Program Persekutuan di Negeri Perlis atau jika digandingkan dengan Jata Negara, penggunaan Jata

*Panduan Penggunaan Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak Pemerintahan
DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis*

Negeri hendaklah dikekalkan. Untuk maksud tersebut, Logo Sambutan Jubli Perak diletakkan di sebelah kiri dalam saiz lebih besar dan dijadikan sebahagian daripada reka hias dokumen. Contoh rekabentuk adalah seperti berikut:



6. Penggunaan Jata Negeri

- 6.1. Penggunaan Jata Negeri dikekalkan untuk dokumen rasmi kerajaan seperti Penyiaran Warta, papan tanda, dan surat-menyurat rasmi.

7. Penggunaan pada Kepala Surat Rasmi

- 7.1. Semua Agensi Kerajaan dikehendaki menggunakan Logo Rasmi Sambutan Jubli Perak pada kepala surat rasmi sedia ada seperti hebahan melalui surat rasmi kepada Pejabat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada 24 Februari 2025 (SUK.Ps 04/414JLD.4(30))
- 7.2. Penggunaan Logo Rasmi Sambutan hendaklah dilaksanakan selaras hebahan berkenaan seperti contoh berikut:



8. Pematuhan

- 8.1. Semua jabatan dan agensi kerajaan negeri Perlis hendaklah mematuhi panduan ini dalam semua bahan cetakan dan digital yang berkaitan.

9. Tarikh Kuat Kuasa

- 9.1. Panduan ini berkuat kuasa mulai 21 Februari 2025 dan hendaklah dipatuhi sehingga tamatnya Sambutan Jubli Perak pada 16 April 2026 atau sehingga diberitahu kelak.

10. Penutup

Panduan ini disediakan untuk memastikan identiti visual Sambutan Jubli Perak dipelihara dan konsisten dalam semua medium komunikasi rasmi.

Sekian, terima kasih.